

Universiti tempatan perlu lahir ilmuwan

Golongan terpelajar mesti mampu kupas pelbagai persoalan

Oleh Fazli Abdullah, Saufi Hamzah dan Faiza Zainudin

GEORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua universiti tempatan berusaha melahirkan ilmuwan yang mampu mengupas pelbagai persoalan sama ada kecil atau besar bagi membantu mempercepatkan proses pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, budaya itu harus terus disemai dan disuburkan agar universiti di negara ini tidak hanya menjadi 'kilang' bagi mengeluarkan sumber manusia negara.

"Kita perlu dapat membentuk ilmuwan yang mampu mengupas pelbagai persoalan besar dan kecil, merentas sempadan geografi dan disiplin ilmu. Ahli akademik harus boleh menonjol sebagai tokoh berwibawa yang disegani dan menjadi sumber rujukan di dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Kursi Tan Sri Dr Noordin Sopiee Mengenai Kajian Global di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Pelancaran kerusi itu bagi mengiktiraf peranan dan sumbangan intelektual Allahyarham Noordin.

Selepas pelancaran, satu forum khas diadakan yang menampilkan pengkisahan dari segi peribadi, kehidupan, profesional dan sumbangan Allahyarham terhadap tanah air dan antarabangsa.

Anggota panel ialah Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Annuar Zaini; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd, Datuk Hishamuddin Aun.

Hadir sama, Naib Canselor USM, Prof Datuk Dzulkifli Razak dan isteri Allahyarham Noordin, Puan Sri Shamsiah Md Hashim.

Perdana Menteri berkata pembantuan cerdik pandai dalam membantu



HARGAI PEMIMPIN: Abdullah bersalaman dengan Shamsiah ketika menghadiri majlis pelancaran Kursi Noordin Sopiee mengenai kajian global di USM, semalam.

mempercepatkan proses pembangunan negara perlu dilihat secara menyeluruh bagi memastikan kemakmuran sejagat dapat dibina.

"Barangkali kita harus bertitik tolak daripada idea dan gagasan besar pemikir kita seperti Allahyarham Noordin sehdiri. Kita dapat melihat bagaimanakah beliau mengadunkan sensitiviti pengamatan, pertimbangan akal budi dan kewajaran dalam memastikan hasrat sedemikian dapat dihayati dan diberi erti serta makna," katanya.

Abdullah berkata, universiti juga harus bijak memupuk budaya berfikir dan menganalisis secara berterusan, seiring dengan tunjang penubuhan institusi berkenaan.

Sementara itu, ketika berucap pada Malam Mesra Pulau Pinang anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak), di sini, malam tadi Abdullah menegaskan beliau tidak akan mengalah ketika menjalankan

Barangkali kita harus bertitik tolak daripada idea dan gagasan besar pemikir kita seperti Allahyarham Noordin sendiri"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tugas sebagai Perdana Menteri, walaupun berdepan pelbagai cabaran dan rintangan yang besar daripada pelbagai pihak.

Beliau berkata, walaupun mengetahui tanggungjawab Perdana Menteri adalah amat besar, beliau menganggapnya sebagai satu tuntutan yang perlu dipikul selepas mendapat mandat daripada rakyat.

"Walaupun menghadapi cabaran yang besar, saya tidak ada niat nak *give up* (mengalah), sebaliknya mahu menghadapi semua masalah ini.

"Semua masalah dan cabaran perlu dihadapi kerana inilah peluang untuk saya menjayakan rancangan pembangunan negara," katanya.